

TARIKH	22 / 2 / 2017	SEKSYEN	Dalam Negeri
MUKA SURAT	3	RUANGAN	

SLIM: Syarikat diberi amaran

Qieh SYUKRI SHAARI dan LOKMAN HAKIM ABD. SAMAD pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 FEB.

DATUK Seri Najib Tun Razak memberi amaran kepada syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia mengenai kemungkinan tidak ditawarkan kontrak daripada kerajaan sekiranya tidak terlibat dalam program Skim Latihan 1Malaysia (SLIM).

Perkara itu disuarakan oleh Perdana Menteri yang mengingatkan syarikat-syarikat berkenaan supaya ‘memberi’ semula apa yang telah diperoleh daripada kontrak diterima kerajaan itu kepada masyarakat, khususnya graduan dalam skop SLIM ini.

Beliau juga mencadangkan kepada Perbadanan untuk menjadikan penglibatan dalam SLIM sebagai salah satu prasyarat untuk

kerajaan memberi kontrak kepada syarikat-syarikat tersebut.

Secara bersetoroh, beliau berkata, peluang kepada syarikat-syarikat yang tidak menyumbang kepada SLIM adalah ‘slim’ untuk mendapatkan kontrak.

“Kita tengok tauke-tauke hari ini yang kaya-raya, siapa yang bagi kontrak, buka laluun untuk mereka? Kerajaan.”

“Kadang-kadang saya naik satu macam kalau (ihat) mereka sompong. Terima kasih syarikat milik kerajaan (GLC) ambil bahagian, saya mahu syarikat-syarikat disenaraikan Bursa (Malaysia) pun ambil bahagian.”

“Saya akan pastikan kalau mereka tidak ambil, jangan harap kontrak daripada kerajaan. Kita nak mereka memberi semula kepada masyarakat,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian Program Temuduga Terbuka SLIM peringkat zon tengah 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra

(PWTC) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dan Ketua Sekretariat SLIM, Norashikin Ismail.

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri turut melancarkan Buku Faith dan Sistem Pengurusan SLIM.

Lebih 25,000 jawatan kosong dan peluang latihan ditawarkan menerusi program kali ini dengan penglibatan 111 syarikat milik kerajaan (GLC) dan swasta.

Ditanya sama ada peringatan beliau itu berikutan kurangnya penglibatan syarikat disenaraikan di Bursa Malaysia terhadap program kerajaan, Perdana Menteri menjelaskan, syarikat-syarikat tersebut tidak melihat kepada perspektif yang lebih besar.

“Ada juga yang laksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR), tetapi saya mahu mereka lebih spesifik, sediakal peluang latihan melalui SLIM,” jelas beliau.



NAJIB TUN RAZAK melambalkan tangan kepada para peserta Program Temuduga Terbuka Skim Latihan 1Malaysia (SLIM) di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI



- Mula **diperkenalkan 2011** dan berjaya membantu 99,000 graduan mendapatkan pekerjaan.
- Temuduga terbuka peringkat zon tengah berlangsung pada **21 dan 22 Februari**.
- **40,000 pengunjung** dijangka membanjiri program di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu.

- Lebih **25,000 jawatan kosong dan peluang latihan** ditawarkan.
- **Lebih 100 syarikat** membuka gerai dengan majoriti syarikat gergasi seperti Khazanah, Petronas, CIMB dan Lembaga Tabung Hajji.
- **Temuduga secara langsung oleh syarikat**
- Khazanah belanja sejumlah **Rm189 juta** dan melatih seramai **5,160 siswazah** bawah program SLIM pada tahun 2015 dan 2016.
- Khazanah merupakan syarikat **penyumbang terbesar** kepada SLIM sejak program tersebut diperkenalkan.
- Setakat 31 Januari 2017, seramai 4,096 orang siswazah berjaya menamatkan latihan dan **79% berjaya mendapat pekerjaan**.
- Siswazah bawah program berkenaan menerima **pendidahan dan latihan sambil bekerja** dalam pelbagai industri termasuk pendidikan, kejuruteraan, makanan, teknologi maklumat, jualan serta khidmat sokongan dan penyumbang luar.
- Khazanah bekerjasama dengan **300 syarikat untuk menempatkan pelatih** di bawah program ini.